

Orang Melayu

UM 21 JUN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — Orang Melayu perlu meminta maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana tidak melaksanakan apa yang beliau sarankan.

Wakil Badan Perhubungan Negeri Pahang, Datuk Mohd. Sarit Yusoh berkata, ini kerana apa yang disarankan oleh Dr. Mahathir sebelum ini, orang Melayu tidak dapat laksanakan.

“Dr. Mahathir suruh orang Melayu pandai, kits

tidak pandai, dia suruh orang Melayu lebih berdaya saing, kita tidak berdaya saing, dia suruh orang Melayu teroka dunia, kita tidak teroka dan dia suruh orang Melayu bangun jadi bangsa yang kuat, kita tidak boleh lakukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan usul ekonomi pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

perlu minta maaf pada PM

Sarit berkata, apa yang membuat beliau sayu ialah Dr. Mahathir sebaliknya yang meminta maaf kepada orang Melayu dan perkara ini tidak dibuat oleh pemimpin-pemimpin dunia lain.

“Tidak pernah berlaku dalam sejarah dunia pemimpin-pemimpin besar seperti Gandhi dan Nehru pernah meminta maaf kepada rakyat India, Presiden Presiden Eisenhower tidak pernah meminta maaf kepada rakyat Amerika, Winston Chur-

chill tidak pernah meminta maaf kepada rakyat Britain dan Presiden Soekarno tidak pernah meminta maaf kepada rakyat Indonesia.

“Hari ini Dr. Mahathir yang banyak berjasa meminta maaf dengan kita,” katanya.

Beliau menegaskan, Dr. Mahathir banyak berjasa kepada negara oleh itu pada hari ini orang Melayu harus memberikan penghargaan kepada beliau.

“Hari ini adalah hari Dr. Mahathir oleh itu adalah tidak salah untuk orang Melayu untuk memberikan pujian kepada beliau yang banyak mencurahkan bakti kepada negara.

“Perhimpunan Agung UMNO ini adalah kali terakhir kita bersama Dr. Mahathir dan merupakan kali terakhir kita akan melihat wajah beliau kerana itu kita perlu memberi penghargaan kerana jika tidak dilakukan hari ini kita mungkin tidak akan berpeluang lagi,” katanya.